

# Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

## Petani dan Benih



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: M. Maillot, Lazarus  
Alastair Paterson

Disadur oleh: E. Frischbutter, Sarah S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children  
[www.M1914.org](http://www.M1914.org)


©2024 Bible for Children, Inc.  
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

Pada suatu hari Yesus mengajar  
di tepi tasik. Ramai orang  
berkumpul untuk mendengar  
Dia. Tetapi terlalu ramai  
orang

berkumpul di situ.  
Apakah yang akan  
dilakukan oleh  
Yesus?



Setelah melihat sebuah perahu berhampiran, Yesus naik ke atasnya. Sekarang Dia boleh melihat orang ramai dan mereka juga boleh melihat dan mendengar Dia.




3

Yesus mulai bercerita tentang perumpamaan, cerita tentang kejadian sehari-hari dan mengajar orang banyak tentang Allah.



4

"Seorang petani menabur benih di ladangnya." Kisah Yesus adalah seperti gambar dengan perkataan dan bukannya lukisan.



5

Orang ramai boleh membayangkan petani itu bekerja - mereka telah melihatnya berkali-kali.



6

Beberapa biji benih yang jatuh bertaburan di atas laluan pejalan kaki. Swoosh! Burung bergegas terbang ke bawah untuk memakannya.



7

Beberapa biji benih jatuh di bagian tanah berbatu. Mereka cepat tumbuh menjadi tanaman tetapi yang tidak kuat. Matahari yang terik tidak lama kemudian mengecutkan mereka kerana tidak dapat berakar di tanah cetek.



8

Benih lain telah berakar di tanah berduri. Ia tidak tumbuh menghasilkan biji baru. Duri yang mengelilingi tumbuhan muda, menghalang cahaya matahari dan hujan dari benih itu.



9

Benih selebihnya jatuh di tanah yang subur. Lama kelamaan, tumbuhan itu mempunyai pucuk yang sihat dan menghasilkan banyak biji benih baru. Petani itu pasti sangat gembira.



10

Pada penghujung ceritanya, murid-murid datang ke Yesus. "Mengapa Engkau mengajar dengan perumpamaan?" tanya mereka.



11

Yesus berkata perumpamaan membantu orang memahami tentang Tuhan jika mereka benar-benar mengasihi Dia. Orang yang tidak mengasihi Tuhan tidak dapat memahami perumpamaan.



12

Yesus menjelaskan perumpamaan itu. Dia berkata benih itu adalah Firman Tuhan. Benih di laluan pejalan kaki adalah seperti seseorang yang mendengar tetapi tidak memahami Firman Tuhan.



Syaitan membuat mereka lupa akan firman Tuhan.


13

Sesetengah orang menerima Firman Tuhan dengan cepat. Mereka seperti benih di tanah berbatu. Tetapi sebaik sahaja seseorang mengejek mereka atau menyusahkan mereka kerana mereka mengasihi Tuhan, sesuatu yang menyedihkan berlaku.




14

Inilah orang-orang yang mula mengikut Yesus dengan gembira tapi berpaling dan berhenti mematuhi Firman Tuhan. Mereka tidak mahu membayar harga mengikut Tuhan. Sungguh menyedihkan karena mereka lebih ingin menyenangkan kawan-kawannya daripada Tuhan!



15

Duri dalam perumpamaan mewakili kebimbangan duniawi dan cinta kepada wang yang memenuhi kehidupan sesetengah orang. Mereka terlalu sibuk berusaha untuk mendapatkan lebih banyak wang dan perkara lain sehingga mereka meninggalkan Tuhan dari hidup mereka.



16

Tetapi benih yang jatuh di tanah yang subur dan menghasilkan tuaian yang baik adalah seperti Firman Tuhan yang memasuki hati dan mengubah hidup manusia. Orang-orang ini melayani dan menghormati Tuhan.



17

Orang ramai itu tidak mahu pergi. Ramai yang ingin mengikut Tuhan dan menggembirakan Dia. Perumpamaan yang Yesus ajarkan membantu mereka memahami cara mentaati Tuhan.




18

### Petani dan Benih

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,  
terdapat dalam  
Matius 13

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

19



43



60

20

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihani kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16